

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PDP)

Tarikh Kemaskini: 12 Mei 2026

Notis ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai kaedah bagaimana, FusionAP Sdn Bhd (Company No: Co. No: 202501000107 / 1601522-X) dan anak syarikatnya (secara kolektif "Syarikat ini" atau "kami") mengumpul, memproses, menyimpan, menzahir serta mengambil langkah-langkah perlindungan ke atas data peribadi anda selaras dengan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta tersebut")**.

1. JENIS DATA PERIBADI YANG DIKUMPULKAN

Kami kumpul pelbagai jenis data peribadi daripada anda, yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) maklumat pengenalan diri seperti nama penuh, tarikh lahir, nombor kad pengenalan / nombor passport, jantina, status perkahwinan dan kewarganegaraan;
- b) maklumat perhubungan seperti alamat tempat tinggal, alamat penghantaran, alamat e-mel dan nombor telefon;
- c) maklumat kewangan atau pembayaran untuk produk atau perkhidmatan yang telah anda beli daripada kami;
- d) maklumat pekerjaan atau perniagaan seperti nombor pendaftaran syarikat dan sektor perniagaan; atau
- e) maklumat teknikal seperti alamat IP, data log masuk, jenis dan versi pelayar web, dan maklumat penjejakan daripada kuki.

2. TUJUAN PENGUMPULAN DAN PEMROSESAN DATA PERIBADI

Data Peribadi anda dikumpul dan diproses untuk tujuan-tujuan berikut:

- a) untuk berkomunikasi dengan anda dan menyediakan perkhidmatan atau produk yang diminta;
- b) untuk memproses transaksi anda dan menguruskan akaun anda;
- c) untuk mematuhi obligasi undang-undang, kawal selia, dan percukaian;
- d) untuk menambah baik laman sesawang, produk, pengalaman pelanggan kami dan pelaksanaan fungsi pengawalseliaan;
- e) untuk menghantar bahan promosi atau surat berita (tertakluk kepada persetujuan anda); atau
- f) untuk menjalankan penyelidikan dan analisis statistik.

3. SUMBER PENGUMPULAN DATA PERIBADI

Kami mengumpul data peribadi secara langsung daripada anda apabila anda:

- a) mengisi borang di laman sesawang kami atau mendaftar akaun;
- b) berkomunikasi dengan kami melalui emel, telefon, atau media sosial;
- c) mengambil bahagian dalam tinjauan atau promosi; atau
- d) menggunakan laman sesawang kami (melalui kuki dan teknologi serupa).

4. PENZAHIRAN DATA PERIBADI

Data peribadi yang diproses oleh kami tidak dikongsi dengan mana-mana pihak lain melainkan penzahiran tersebut dibenarkan di bawah Akta. Kami tidak menjual data peribadi anda. Data peribadi anda hanya diproses bagi tujuan yang dinyatakan di atas dan mungkin dikongsi dengan:

- a) pembekal perkhidmatan luar yang dilantik oleh kami untuk menyediakan perkhidmatan teknologi informasi atau sokongan dan pembayaran secara dalam talian atau perkhidmatan penghantaran;
- b) penasihat profesional seperti peguam, juruaudit, atau perunding kewangan;
- c) pihak berkuasa kawal selia seperti agensi kerajaan atau penguatkuasa undang-undang jika dibenarkan atau dikehendaki di bawah undang-undang; atau
- d) anak syarikat atau syarikat induk kami untuk tujuan pentadbiran dalaman.

5. KESELAMATAN DAN PENYIMPANAN DATA PERIBADI

Kami komited untuk memastikan data peribadi anda disimpan dengan selamat. Langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi telah dilaksanakan bagi melindungi data peribadi anda daripada kehilangan, salah guna, ubah suaian, akses atau penzahiran tanpa kebenaran. Hanya individu yang diberi kuasa sahaja dibenarkan untuk mengakses data peribadi ini dan semakan keselamatan dijalankan dari semasa ke semasa. Kami hanya akan menyimpan data peribadi anda selama mana yang diperlukan untuk memenuhi tujuan pengumpulannya, atau untuk mematuhi keperluan undang-undang dan perakaunan.

6. HAK-HAK ANDA SEBAGAI SUBJEK DATA

Di bawah Akta tersebut, anda mempunyai hak-hak berikut:

- a) **Hak untuk mengakses:** anda berhak untuk meminta salinan data peribadi anda yang kami simpan.

- b) **Hak untuk membetulkan:** anda berhak untuk meminta kami membetulkan maklumat peribadi yang anda rasa tidak tepat, tidak lengkap atau tidak lagi terkini.
- c) **Hak untuk menarik balik persetujuan:** anda berhak untuk menarik balik persetujuan yang anda telah berikan untuk pemprosesan data peribadi, tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa. Namun, ini mungkin menjejaskan keupayaan kami untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda.

7. PENGGUNAAN KUKI

Laman sesawang dan platform kami mungkin menggunakan kuki bagi meningkatkan pengalaman pengguna. Kuki ialah fail kecil yang disimpan dalam peranti anda bagi membantu laman sesawang berfungsi dengan lebih cekap dan menyimpan maklumat mengenai aktiviti pelayaran pengguna. Pengurusan kuki adalah tertakluk kepada tetapan pelayar web anda. Anda boleh memilih untuk menyekat atau memadam kuki, namun ini mungkin menjejaskan fungsi laman sesawang kami. Dengan menggunakan laman ini, anda bersetuju terhadap penggunaan kuki seperti yang dinyatakan.

8. PINDAAN NOTIS

Kami berhak untuk meminda atau mengemas kini Notis Perlindungan Data Peribadi ini pada bila-bila masa. Sebarang pindaan akan disiarkan di laman sesawang rasmi kami berserta tarikh pengemaskinian. Oleh itu, anda digalakkan untuk menyemak notis ini dari semasa ke semasa.

9. MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau ingin mengemukakan permintaan berkaitan pemprosesan data peribadi anda, sila hubungi:

Emel: info@FusionAP.com

Alamat:

02-05, NCER Technology Innovation Centre (NTIC),
Plot 36, Hilir Sungai Keluang 2,
Bayan Lepas Industrial Park,
Phase 4 11900 Bayan Lepas, Penang, Malaysia